

# KELAS PENGENDALIAN SENJATA PEGAWAI DAN ANGGOTA MAWILUD 2

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4536-kelas-pengendalian-senjata-pegawai-dan-anggota-mawilud-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4536-kelas-pengendalian-senjata-pegawai-dan-anggota-mawilud-2)

LABUAN, 15 Feb 19 - Markas Wilayah Udara 2 telah melaksanakan Kelas Pengendalian Senjata Colt M 4 dan Pistol bagi Pegawai manakala Kelas Senjata Colt M 4 bagi Anggota LLP yang bertugas di markas ini.

Tujuan utama kelas pengendalian senjata ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi kefahaman pegawai dan anggota dalam mengendalikan senjata kecil termasuklah dari aspek keselamatan sebelum pegawai dan anggota diberi sijil kelayakan pengendalian.



